

**Permaisuri Agong Melawat Rumah Anak Yatim Perkim Bahagian Kedah
Bernama
30 Mac, 2012**

ALOR SETAR, 30 Mac (Bernama) -- Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah Jumaat berkenan berangkat melawat rumah anak-anak yatim Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Bahagian Kedah di Lorong Seri di sini.

Pada majlis itu, Raja Permaisuri Agong berkenan menyampaikan sumbangan dan hadiah berupa hamper kepada semua anak-anak yatim serta menikmati jamuan petang bersama mereka.

Terdahulu, ketika menyampaikan titah ucapan, baginda mengucapkan tahniah kepada Perkim kerana anak-anak yatim di bawah seliaannya mendapat penjagaan yang sangat sempurna dari segi makan, minum, pakaian, kesihatan dan pendidikan.

"Beta sedar bukan mudah mendidik anak-anak yang meniti usia... berkat usaha yang gigih serta semangat yang kental segalanya membuahkan hasil yang sangat beta banggakan. Beta juga bangga kerana beberapa anak yatim yang dibesarkan di sini berjaya ke peringkat institusi pengajian tinggi.

"Syabas kerana berjaya menunaikan tanggungjawab walaupun ia hanya berlandaskan semangat sukarelawan semata-mata," titah baginda.

Raja Permaisuri Agong turut berpesan kepada anak-anak yatim supaya tidak melepaskan peluang yang ada bagi menimba apa saja ilmu bermanfaat demi menjadi seorang yang berjasa kepada agama, bangsa dan negara apabila dewasa kelak.

"Beta akan sentiasa berdoa semoga kita berada dalam keberkatan dan diberi kekuatan untuk meneruskan tanggungjawab," titah baginda.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655968>